

KONSEP MANTERA DALAM BUDAYA BAJAU KAMPUNG. MAPAN-MAPAN, PITAS, SABAH



JASMAN BIN BANDAR

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI KEMANUSIAAN, SENI DAN
WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2015**

KONSEP MANTERA DALAM BUDAYA BAJAU KAMPUNG. MAPAN-MAPAN, PITAS, SABAH

JASMAN BIN BANDAR



**TESISINI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA SASTERA**

**FAKULTI KEMANUSIAAN, SENI DAN
WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2015**

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

11 November 2015

Jasman bin Bandar
MC1311004T



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN


NAMA : **JASMAN BIN BANDAR**
NO MATRIKS : **MC1311004T**
TAJUK : **MANTERA DALAM BUDAYA BAJAU PITAS**
IJAZAH : **SARJANA SASTERA (SENI KREATIF)**
TARIKH VIVA : **18 OGOS 2015**

DISAHKAN OLEH

1. PENYELIA

Prof. Madya. Dr. Saidatul Nornis Hj. Mahali

Tandatangan




PENGHARGAAN

Syukur kepada Allah dengan limpah kurnia dan rahmatnya tesis ini dapat disiapkan dengan jayanya. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih setinggi-tingginya kepada penyelia saya iaitu Prof. Madya. Dr. Saidatul Nornis Hj. Mahali. kerana memberi tunjur ajar, nasihat dan bimbingan yang mendalam berkenaan dengan tesis yang telah saya tulis bermula daripada awal hingga akhir tesis ini berjaya disiapkan.

Tidak lupa juga penghargaan saya kepada informan yang telah meluangkan masa bersama-sama saya untuk mendapatkan maklumat berkenaan dengan kajian yang saya laksanakan iaitu kajian mantera. Setinggi-tinggi terima kasih juga kepada Perpustakaan Universiti Malaysia, Pusat Dokumentasi Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah (DBP). Perpustakaan Penyelidikan Borneo Tun Fuad Stephen (Yayasan Sabah) kerana telah memberi keizinan dan memberi maklumat-maklumat berkaitan kajian saya.

Penyelidik juga memberikan ucapan terima kasih setinggi-tinggi kepada Pensyarah Sekolah Pengajian Seni dan rakan-rakan sekalian kerana memberikan semangat dan tunjuk ajar, jasa mereka sememangnya tidak dapat saya lupakan.

Jasman Bin Bandar



ABSTRAK


Mantera merupakan salah satu tradisi lisan orang Bajau di Pitas, yang disebut sebagai *Babar*. Bagi kepercayaan orang Bajau di Daerah Pitas, *Babar* diyakini sebagai faktor kewujudan mantera yang mereka warisi sehingga ke hari ini. Pada kebiasaannya, mantera dilafazkan apabila seseorang menghadapi masalah dalam kehidupan seharian. Pengaruh sekitaran dipercayai sebagai sumber utama yang mencetuskan penghasilan mantera. Sejak zaman dahulu, mantera berperanan penting sebagai penerus kehidupan dan membantu melicinkan pekerjaan seharian dalam kalangan orang Bajau. Disebabkan itu, mantera mendapat tempat yang tinggi dalam kehidupan masyarakat Bajau. Kajian ini bertumpu di Kampung Mapan-mapan Darat dan Kampung Mapan-mapan Laut yang terletak di Daerah Pitas, Sabah. Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan kaedah kerja lapangan, temu bual, dan kaedah pemerhatian secara langsung untuk mendapatkan maklumat berkait mantera di kedua-dua buah kampung tersebut. Semua data berkait mantera yang berbentuk teks verbatim yang diperolehi dari kerja lapangan seterusnya dianalisis dari aspek latar dan tema sesebuah mantera; peranan mantera dalam kehidupan orang-orang Bajau Pitas; dan nilai yang terkandung dalam sesebuah mantera. Hasil dapatan kajian membuktikan bahawa mantera penting dalam pelbagai aspek kehidupan orang-orang Bajau di Pitas. Kebanyakan pengamal mantera Bajau di Pitas terdiri daripada orang tua-tua. Manakala, generasi muda orang-orang Bajau Pitas sudah tidak berminat untuk mempelajarinya. Perkara tersebut dikhuatiri akan menyebabkan pengamalan mantera orang-orang Bajau di Pitas lenyap tanpa pewaris. Justeru, kajian ini perlu didokumentasikan agar ianya kekal sebagai tradisi lisan etnik peribumi Sabah.

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRACT

MANTRA IN BAJAU PITAS CULTURE

The mantra is one of the oral tradition of a Bajau community in Pitas, also known as a Babar. Amongst the Bajau's beliefs in Pitas, the Babar is the factor of an existence of a mantra that they inherited today. Usually, the mantra used when someone encountered the difficulties in a daily life. The environment influenced the emerging of the mantra creation. Since ancient times, mantra has an important role among the Bajau community to undergo their life efficiently and smoothly. That is why mantra was placed in a high level in Bajau society. This study focused in Mapan-mapan Darat and Mapan-mapan Laut villages located in Pitas District of Sabah. Qualitative method was used in this research which including a field work, interviews and directly observation to obtain information about mantra from both of the village. All the mantra information collected in a verbatim text will be analyzed in terms of its background and themes; the importance in Bajau community and also the values that the mantra brings. The findings show that the mantra is indeed important for the Bajau's in Pitas in many aspects of their life. However, the change of life to a modern way in this very day has reduced the practice of mantra amongst the Bajaus in Pitas. Most of the mantra practitioners today are among the elders. Whilst, the young generations is not interested in learning it anymore. This will caused the Bajau's mantra in Pitas District extinct without an heir. Thus, this research needs to be documented so that it remains as oral traditions for indigenous people of Sabah.



UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
 BAB 1: PENGENALAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Permasalahan Kajian	4
1.4 Objektif Kajian	8
1.5 Pendekatan Teori	8
1.5.1 Perkembangan Fenomenologi	8
1.5.2 Fenomenologi Schutz	9
1.6 Latar Kawasan Kajian	16
1.6.1 Latar Daerah	16
1.6.2 Latar Kampung Kajian	17
i. Kampung Mapan-Mapan Darat	17
ii. Kampung Mapan-Mapan Laut	19
1.7 Skop Kajian	19
1.8 Batasan Kajian	20
1.9 Kepentingan Kajian	20
1.10 Kesimpulan	21



BAB 2: SOROTAN LITERATUR	
2.1 Pengenalan	22
2.2 Bahan Sorotan	22
2.3 Ulasan Terhadap Bahan Sorotan	32
2.4 Kesimpulan	32
BAB 3: METODOLOGI	
3.1 Metodologi Kajian	34
3.2 Kerja Lapangan	34
3.2.1 Kenal Pasti Lokasi Kajian	38
3.2.2 Kenal Pasti Informan	38
3.3 Kaedah Pengumpulan Data	39
3.4 Temu bual Informan	39
3.4.1 Temu bual Secara Mendalam	40
3.4.2 Temu bual Secara Berfokus	40
3.4.3 Pemerhatian Langsung	41
3.5 Analisis Data	41
3.5.1 Transkripsi- Terjemahan	41
3.5.2 Teks Verbatim Mantera	42
3.6 Kesimpulan	45
BAB 4: BENTUK DAN TEMA MANTERA	
4.1 Pengenalan	46
4.2 Faktor Kelahiran Mantera	47
4.3 Mantera Di Kampung Mapan-Mapan Darat dan Kampung Mapan-Mapan Laut Pitas	49
4.3.1 Ilmu Ghaib dan Kebatinan	49
4.3.2 Pelindung Diri	55
4.3.3 Kesihatan	59
4.3.4 Pencarian Rezeki	66
4.3.5 Perhiasan dan Permanis Diri	72
4.4 Kesimpulan	80

BAB 5: PERANAN MANTERA

5.1 Pengenalan	81
5.2 Budaya Mantera Orang Bajau Pitas	81
5.3 Peranan Mantera	84
5.3.1 Ritual	85
5.3.2 Perlindungan	94
5.3.3 Ekonomi	103
5.3.4 Keperluan Diri	106
5.3.5 Teladan Dan Pengajaran	108
5.4 Kesimpulan	114

BAB 6: ANALISIS KANDUNGAN MANTERA

6.1 Pengenalan	115
6.2 Pengkategorian Mantera	115
6.3 Pengklasifikasian Mantera	144
6.3.1 Hubungan Manusia Dengan Pencipta	146
i. Mantera Agar Orang Yakin Kepada Kekuasaan Allah	148
ii. Mantera Agar Orang Sabar	150
iii. Mantera Agar Orang Amanah	152
iv. Mantera Agar Orang Bertanggungjawab	153
v. Mantera Agar Orang Berani	154
vi. Mantera Agar Orang Menghormati	156
6.3.2 Hubungan Manusia dengan Alam Semesta	161
i. Mantera Agar Orang Tabah Cekal	162
ii. Mantera Agar Orang Cintakan Alam Sekitar	164
6.3.1 Hubungan Manusia Dengan Manusia	168
i. Mantera Agar Orang Berdikari	168
ii. Mantera Agar Orang Patuh	170
iii. Mantera Agar Orang Cinta dan Kasih Sayang	171
iv. Mantera Agar Orang berusaha	174
v. Mantera Agar Orang Bertoleransi	175
v. Mantera Agar Orang Hemah Tinggi	176
vi. Mantera Agar Orang Menghargai Masa	177


6.4	Kesimpulan	179
-----	------------	-----

BAB 7: PENUTUP

7.1	Rumusan	180
7.2	cadangan	184

RUJUKAN	186
----------------	-----

LAMPIRAN DATA VERBATIM	192
-------------------------------	-----




UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

Halaman


Jadual 3.1: Kerja Lapangan	37
----------------------------	----



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 1.1: Kedudukan Daerah Pitas	16
Rajah 1.2: Kedudukan Kampung Mapan-mapan	17
Rajah 7.1: Peranan Mantera	180




UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Mantera merupakan tradisi lisan yang menggunakan elemen magis untuk melahirkan unsur luar biasa dan ghaib bagi mendapatkan sesuatu hajat popular pada zaman dahulu sehingga kini. Mantera dijadikan sebagai ‘senjata’ untuk menyelamatkan diri daripada serangan makhluk ghaib, manusia, haiwan buas, masalah penyakit dan salah satu cara untuk melicinkan tugasan harian manusia pada zaman dahulu. Justeru, mantera dipercayai memberi kelebihan kepada pengamalnya atau sesiapa yang menggunakan. Namun demikian, kebaikan dan keburukan mantera terletak kepada niat seseorang itu, jika dilakukan dengan niat baik maka kebaikanlah juga yang akan terjadi dan sebaliknya.



Pengamalan mantera dalam kehidupan bermasyarakat memberikan nilai estetik dan artistik melalui penggunaan bahasa serta pengamalan mantera dalam kehidupan seharian. Justeru, kita boleh menganalisis makna tersurat dan makna tersirat daripada kewujudan mantera orang-orang Bajau Pitas. Kajian ini dilakukan untuk menyelami pengalaman subjektif yang dilalui oleh orang-orang Bajau Pitas melalui mantera serta memberikan kefahaman secara lebih mendalam tentang budaya yang diamalkan oleh orang-orang Bajau Pitas.

1.2 Latar Belakang Kajian

Pada zaman dahulu, peranan mantera sememangnya tidak dinafikan mampu memberi pengaruh yang besar dalam membentuk dan mencorakkan kehidupan masyarakat. Segala persoalan dan permasalahan berkaitan dengan kehidupan dikaitkan dengan mantera agar ia dijadikan sebagai satu jalan untuk mereka menyelesaikan masalah yang dihadapi. Mereka percaya bahawa mantera

mempunyai kuasa untuk menyembuhkan, menyelamat serta menghindari mereka daripada petaka yang menganggu ketenteraman dan keharmonian hidup mereka.

Orang Bajau Pitas percaya bahawa mantera mempunyai ‘kuasa’ menyebabkan mantera pada zaman dahulu berkembang dengan pesat. Hal sedemikian dibantu pula oleh unsur-unsur alam yang dimasukkan ke dalam mantera. Penggunaan mantera dalam kehidupan orang-orang Bajau Pitas diperkuatkan dengan adanya kepercayaan terhadap pengaruh Hindu-Buddha. Selain itu, makna mantera hanya boleh difahami dan diinterpretasi oleh individu yang mengamalkannya dalam kehidupan seharian, yakni makna dan tujuan mantera itu ditentukan oleh individu-individu yang mengamal dan mempercayainya.

Bagi masyarakat Melayu, mantera disebut juga sebagai jampi serapah. Kedua-dua elemen ini sangat berkait rapat antara satu sama lain. Kamus Dewan (1989:408) meletakkan jampi sebagai membawa maksud membaca mantera, iaitu sejumlah ayat yang dibaca untuk mendapatkan sesuatu hajat. Manakala, pengertian serapah membawa maksud mengusir makhluk halus, seperti hantu, jin, syaitan dan juga menghalau binatang buas dengan cara sumpahan.

Dari perspektif agama Hindu pula, mantera adalah sesuatu yang berkait dengan amalan yang merujuk kepada kesucian dengan menzahirkan sesuatu bahasa untuk mendapatkan sesuatu hajat. Dalam agama Hindu, mantera dianggap sebagai wahyu yang mana tidak semua orang-orang boleh mempelajarinya. Hanya orang-orang tertentu dan dalam keadaan tertentu sahaja yang boleh mempelajarinya dan jika penggunaan mantera tersebut dilakukan tanpa kebenaran dan tanpa mengikut peraturan, maka dipercayai bahawa individu itu akan terkena bala dan malapetaka yang dahsyat. Melalui pemahaman sedemikian, ia menjelaskan kepada kita bahawa mantera dalam agama hindu dianggap sebagai sesuatu yang suci.

Satu lagi tafsiran mantera menurut masyarakat Melayu dan seluruh pengamal mantera mendefinisikan mantera sebagai ilmu. Pengkaji barat juga menyumbang pendapat yang sama, yakni mengungkapkan perkataan ilmu seperti yang diutarakan oleh Geertz (1977: 147) yang memberikan tafsiran mantera seperti berikut:

"Ilmu (mantera) is generally considered to be a kind of abstract knowledge or supernormal skill, but by the more concrete-minded and old "fashioned" it is sometimes viewed as kind of substantive magical power, in which case its transmission it may be more direct than through teaching."

Tafsiran kebanyakan para pengamal dan pengkaji mantera mempunyai persamaan, iaitu ia merujuk kepada kuasa mistik yang digunakan untuk menunaikan sesuatu hajat. Apa yang ingin diutarakan oleh penyelidik ialah mantera merupakan medium yang akan membawa fikiran manusia mengembara untuk meneroka ilmu yang lebih mendalam di alam fana ini. Bermaksud bahawa dunia ini bukan hanya boleh ditafsirkan secara zahir sahaja, malah ia juga mempunyai konsep yang lebih luas untuk kita mengenal kekuasaan Allah dan dzatnya di muka bumi ini. Jika kita lihat mantera daripada sudut logik sahaja, ia belum mampu membawa makna secara keseluruhan. Mantera perlu dikenal pasti daripada unsur zahir dan batin kerana tidak semua perkara dapat dilihat dengan pandangan mata kasar sahaja.

Setelah kedatangan Islam pengaruh mantera semakin berkurangan kerana menurut ajaran Islam, pengikutnya wajib memohon sesuatu hajat dengan berdoa kepada Allah dan melaksanakan solat dalam kehidupan seharian. Amalan mantera dianggap sebagai menyekutukan Allah. Walaupun demikian, tidak semua mantera bersifat menyekutukan Allah misalnya, mantera ilmu kebatinan yang digunakan untuk mempertahankan diri. Mantera seperti itu dipercayai menjadikan seseorang itu kuat dan terlindung daripada niat jahat orang. Dalam masa yang sama, terdapat juga unsur-unsur keislaman di dalam mantera. Hal ini kerana, pengamal mantera

berusaha untuk menyesuaikan ajaran Islam dengan amalan budaya tradisi seperti mantera.

Sejak kedatangan Islam pengaruh mantera semakin berkurangan. Pengaruh pandangan dan penerimaan mantera dalam masyarakat semakin lama semakin berkurangan ini dibuktikan dengan banyaknya kawasan atau lokasi yang dahulunya sangat kuat mengamalkan mantera tetapi kini, amalan tersebut semakin beransur hilang dan ia digantikan dengan pengaruh moden dengan pelbagai idea baru yang mengelirukan masyarakat setempat.

1.2 Permasalahan Kajian

Perubahan masa menyaksikan kebanyakan anggota masyarakat semakin kurang mengamal atau mempercayai mantera. Mereka lebih percaya bahawa seseorang itu perlu bekerja kuat untuk mendapatkan perkara yang dikehendaki dan bukannya melalui penggunaan mantera. Perubahan sikap ini turut dibantu oleh kesedaran melalui sistem pendidikan yang mengutamakan aspek logik dan rasional.

Kebanyakan pengamal mantera tertumpu di kawasan luar bandar dan kawasan Pedalaman seperti kawasan bukit, pesisiran pantai, kepulauan dan kawasan perkampungan. Faktor yang menyebabkan penggunaan mantera masih aktif di kawasan tersebut kerana adat dan tradisi turun temurun. Selain itu, kos perubatan hospital yang mahal menyebabkan golongan yang berpadatan rendah dan tidak berpendapatan tetap mengambil jalan untuk menggunakan mantera sebagai satu jalan yang mudah untuk mereka mendapatkan sesuatu hajat dan kesembuhan daripada penyakit. Penerimaan mantera di kawasan kampung masih aktif kerana mereka belum mendapat pendidikan sehingga peringkat yang tinggi disebabkan faktor kemiskinan yang mereka hadapi, mereka biasanya hanya menerima pendidikan rendah. Keadaan tersebut menyebabkan mereka masih aktif menggunakan mantera sebagai hiburan, pendidikan dan juga amalan harian mereka.

Pengaruh mantera di kawasan perkampungan kurang mengalami perubahan jika dibandingkan dengan kawasan yang lainnya. Walaupun demikian pengaruh zaman moden mampu mengubah budaya sesuatu masyarakat dalam jangka masa yang singkat maka, pengekalan unsur budaya tempatan perlu dilaksanakan agar budaya ini mampu melawan perkembangan pengaruh zaman moden khususnya penularan budaya Barat.

Sebelum ini tiada kajian mantera yang dijalankan di Daerah Pitas. Kedudukan kawasan kajian ini agak terpencil daripada arus pembangunan menyebabkan para penyelidik kurang mengetahui tentang sastera lisan seperti mantera yang ada di Daerah Pitas. Tambahan pula, sikap orang-orang kampung yang sekian lama masih berasa takut kesan daripada penjajahan British dan Jepun yang menyebabkan mereka enggan bekerjasama dengan orang-orang luar. Kekangan juga wujud dari segi komunikasi kerana penduduk di kampung kajian sukar untuk berinteraksi dengan orang-orang dari luar daerah melainkan individu itu benar-benar rapat dengan penduduk kampung. Hal ini kerana wujud banyak ‘cakap-cakap’ (ungkapan yang dipercayai benar) yang mendakwa orang-orang luar akan mengambil alih tempat mereka, menangkap mereka dan mengambil semua harta yang mereka miliki. Sikap sebegini masih ada kerana mereka berasa khuatir akan keselamatan dan kedudukan mereka akan terancam.

Kampung Mapan-mapan Darat dan Kampung Mapan-mapan Laut merupakan sebuah perkampungan yang terpencil daripada arus pembangunan. Ini dibuktikan dengan kurangnya kemudahan infrastruktur seperti kemudahan jalan raya, kedai-kedai jualan barang keperluan harian, masalah kekurangan sumber air, telefon awam dan kemudahan elektrik. Lokasi kawasan kajian yang terpencil menyebabkan penduduk di kampung berkenaan perlu menggunakan alternatif lain sebagai amalan perubatan dan amalan melindungi diri, iaitu dengan mempraktiskan mantera.

Kehidupan harian yang sedemikian mencabar menyebabkan orang-orang Bajau di kedua-dua kampung ini perlu memikirkan cara untuk melindungi diri dan kehidupan serta cara untuk menangani pelbagai masalah kehidupan. Salah satu

alternatifnya adalah dengan menggunakan bacaan mantera. Mantera dijadikan sebagai sebahagian daripada kaedah untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi. Meskipun demikian, tidak ramai yang mengetahui latar atau punca penciptaan sesuatu mantera itu. Justeru, sumber atau punca penciptaan sesuatu mantera itu perlu diketahui dan didedahkan kepada khalayak luas agar ia dapat dijadikan sebagai satu maklumat tentang keperluan mantera berkenaan kepada pendukungnya.

Memandangkan mantera tidak wujud dan tidak dicipta secara suka-suka maka, penciptaan mantera dalam kalangan orang-orang Bajau di Pitas berpunca daripada tuntutan-tuntutan tertentu dalam kehidupan. Sehubungan itu, ia secara tidak langsung memaparkan peranan yang didukung dan dijalankan oleh mantera berkenaan.

Bidang sains dan teknologi adalah antara bidang yang tidak mengiktiraf mantera sebagai suatu ilmu. Bidang sains dan teknologi hanya percaya kepada sesuatu jika ia telah dibuktikan secara praktikal dan empirikal, bukan sahaja dalam kalangan golongan sains malah, rata-rata pelajar sama ada di sekolah maupun di universiti juga tidak menghiraukan langsung tentang peranan mantera Malah, dunia sains dan dunia moden tidak akan mampu mentafsirkan mantera itu sebenarnya. Ini kerana mereka tidak mempelajarinya, hanya dengan menggunakan hipotesis dan ujian makmal sahaja mereka mengeluarkan pendapat mereka. Sedangkan sesuatu bidang ilmu itu tidak hanya berkembang di makmal, kebanyakannya berkembang di luar, iaitu terjadi di alam persekitaran seperti yang dilalui oleh orang-orang Bajau Pitas di dalam mantera mereka mempelajari cerita, sejarah, falsafah, nilai, serta pengajaran yang. Melalui mantera mereka akan dapat mengenal budaya nenek moyang, bangsa dan asal usul mereka dan segala perihal tersebut mempengaruhi amalan budaya harian mereka.

Pandangan umum menyifatkan mantera hanya sebagai suatu perilaku bermain dalam dunia khayalan. Walhal, mantera selalu digunakan dalam perubatan tradisional ini seperti yang dijelaskan oleh Haron Daud (2000:101) mantera digunakan oleh bomoh untuk menyembuhkan penyakit atau menjadikan seseorang

itu sakit. Perbomohan merupakan salah satu institusi sosial yang penting dalam masyarakat Melayu, terutamanya pada zaman silam kerana bomoh memainkan peranan yang penting sebagai orang perantaraan untuk berhubung dengan makhluk ghaib.

Pernyataan ini menjelaskan kepada kita bahawa mantera mampu menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan dunia ghaib, misteri serta mengubat penyakit yang aneh. Ini kerana bukan semua penyakit akan dapat diubati dengan menggunakan ubat ataupun alat teknologi moden. Ini dibuktikan dengan kewujudan pusat perubatan Islam yang menggunakan ayat-ayat dalam Al-Quran untuk mengubati sesuatu penyakit.

Tambahan lagi, sejak kebelakangan ini pengaruh mantera dilihat semakin berkurangan. Hal ini kerana pengamalnya semakin tua dan sukar mendapat penggantinya, ada antara pengamal mantera terdiri daripada golongan tua yang telah meninggal dunia tanpa sempat menurunkan tradisi mantera kepada golongan muda. Sekiranya perkara ini terus berlaku, dikhawatir ilmu berkaitan mantera juga akan hilang daripada penduduk kampung berkenaan. Apatah lagi, kebanyakan anggota masyarakat di kawasan kajian kurang menyedari bahawa mantera yang mereka miliki itu menyimpan pelbagai perkara yang mempunyai maklumat berhubung kait dengan budaya mereka. Antara perkara yang tersembunyi adalah nilai-nilai tersirat yang mampu mencerminkan budaya besar orang-orang Bajau di Pitas. Justeru, nilai-nilai tersirat dalam mantera-mantera ini perlu dicungkil agar ia mampu dikongsikan kepada empunya budaya ini.

Kajian ini juga dilakukan untuk memberikan kesedaran kepada penduduk setempat tentang tanggungjawab mereka untuk mempertahankan budaya mereka daripada pengaruh luar. Penghayatan tradisi lisan merupakan warisan daripada nenek moyang perlu dilaksanakan kerana pengabaian terhadap tradisi akan menyebabkan masalah kepupusan tradisi lisan. Justeru, kajian ini perlu didokumentasikan segera sebelum mantera benar-benar hilang daripada ingatan pengamalnya.

1.4. Objektif Kajian

Keseluruhan kajian ini mengarah kepada usaha untuk menjawab tiga objektif berikut:

- a. Meneliti cerita latar di sebalik penciptaan mantera orang-orang Bajau Pitas.
- b. Melihat peranan mantera dalam kalangan orang-orang Bajau Pitas.
- c. Meneliti nilai tersembunyi dalam mantera Bajau Pitas.

1.5 Pendekatan teori

Teori digandingkan dengan kajian lapangan untuk mendapat hasil penyelidikan secara lebih berkesan, teori Fenomenologi menjadi landasan utama untuk melaksanakan apresiasi bahan kajian untuk mengeluarkan budaya dalam mantera Bajau Pitas.

1.5.1 Perkembangan Fenomenologi

Teori Fenomenologi berkembang di Jerman berikutan lahirnya gagasan pemikiran kesusasteraan yang muncul pada abad ke-20. Ia memaparkan idea-idea baharu dalam perkembangan dunia kritikan dan kesusasteraan. Fenomenologi juga timbul akibat daripada desakan penyelidik untuk menginterpretasi sesuatu agar ia kelihatan lebih realistik dan tepat berkenaan dengan kehidupan manusia pada zaman lampau. Kewujudan Fenomenologi bermatlamat membangunkan teori fenomena manusia, iaitu menghasilkan kajian yang lebih bersifat empirikal dan makna yang tepat.

Teori ini lahir kerana ketidakpercayaan terhadap aliran positivisme yang dianggap gagal mempertimbangkan nilai dan makna dalam sesuatu hasil kajian. Justeru, Fenomenologi berkembang daripada pola fikir subjek yang bukan hanya melihat suatu objek yang realistik tetapi menggali makna secara lebih mendalam daripada setiap tinggalan budaya yang wujud. Teori ini tercipta untuk memusatkan pembaca kepada pengalaman sebenar.

Fenomenologi merupakan teori yang digunakan untuk mengkaji fenomena. Dalam sisi lain, teori Fenomenologi dikaitkan dengan pengalaman harian yang mempengaruhi dan membentuk perlakuan manusia. Proses ini berlaku apabila wujudnya proses mentafsir dan memberikan makna tentang perkara yang mereka alami dalam kehidupan seharian. Fenomena seperti peristiwa, situasi pengalaman, konsep ataupun sesuatu yang kita sedari namun, kita tidak memahami.

Menurut Mario Kalurer (1999:91), *Phenomenological approach assume that the author is present in his text in encodes form and that his spirit can be revived by an intensive reading of his works*. Kenyataan ini menjelaskan kepada kita bahawa Fenomenologi mengajar bagaimana seseorang pembaca atau khalayak berhadapan dengan teks dan kemudiannya melakukan kritikan bagi mengungkapkan sesuatu makna yang terkandung dalam teks tersebut.

Kritikan Fenomenologi membongkar segala permasalahan yang wujud dalam acuan psikologi yang kita tidak sedari. Sifat keterbukaan minda diperlukan bagi meleraikan segala persoalan yang timbul di bawah akal sedar kita untuk mencari makna dalam teks atau sesuatu hasil kajian.

1.5.2 Fenomenologi Schutz

Schutz dilahirkan di Vienna pada 13 April 1899, berketurunan golongan kelas pertengahan bangsa Yahudi dan merupakan pelajar dalam bidang undang-undang di Vienna. Pada tahun 1932, Schutz menerbitkan buku yang berkaitan ekonomi, perundangan, sosiologi dan sains politik, antropologi, budaya, sosiologi, mitos dan agama.

Pada abad ke-20, Schutz mengaitkan pemikiran Edmund Husserl ke dalam dunia sains sosial yang dipeloporinya. Beliau mengkaji tentang tingkah laku sosial yang wujud pada zaman dahulu dalam perspektif yang begitu subjektif mengungkapkan sains sosial yang berlaku kepada masyarakat Austria pada masa itu. Selain itu, beliau turut mengajar cara untuk mengenal pasti, mengklasifikasi dan membanding mod tindakan sosial dan interaksi.

Menurut Basrowi, (2002:3) "*Analisis Fenomenologis memiliki banyak cara pandang melihat suatu fenomena.*" Petikan ini menjelaskan analisis Fenomenologi berdasarkan kepada fenomena sosial yang berlaku daripada kelompok etnik yang dikaji. Oleh yang demikian, segala maklumat yang diperoleh daripada kajian lapangan sebenarnya banyak membantu penyelidik untuk menganalisis fenomena dan tindakan-tindakan manusia pada masa lampau dan mengaitkannya dengan pengalaman masa kini. Ini kerana dalam kajian mantera ia memperlihatkan bahawa perkataan yang ada dalam mantera itu menunjukkan fenomena sosial yang berlaku dalam kelompok etnik Bajau Pitas.

Dalam konteks kajian ini, teori Fenomenologi oleh Schutz berfungsi untuk merekonstruksi dunia kehidupan manusia yang ada dalam sesuatu mantera ke dalam bentuk dunia sedar seolah-olah perkara tersebut juga berlaku pada hari ini. Ini kerana mengetahui mantera sahaja belum tentu mampu untuk mengetahui apakah isi tersurat dan isi tersirat di sebalik mantera dan fenomena yang menyebabkan kewujudan mantera. Hal ini dapat diyakinkan dengan kenyataan Stefanus (2005: 78) yang menyatakan bahawa;

"Fenomenologi Schutz merupakan dimensi pandangan yang baru dalam proses penelitian dan penggalian makna yang lahir daripada realiti kehidupan manusia sehari-hari. Ia mencetuskan penelitian secara khusus untuk melihat perkembangan ilmu pengetahuan berkaitan sistem sosial masyarakat.

Berdasarkan kepada petikan tersebut, penyelidik berpendapat bahawa teori Fenomenologi yang dipelopori oleh Schutz menekankan pengalaman praktikal rakyat dalam dunia sosial. Pengalaman praktikal meliputi perkara yang mereka amalkan dalam kehidupan. Dalam kajian yang dilakukan oleh penyelidik, pengalaman praktikal ini dikaitkan dengan amalan mantera yang memaparkan budaya mantera masyarakat di Kampung Mapan-mapan Darat dan Kampung Mapan-mapan Laut. Hal ini juga diperkuatkan lagi dengan kenyataan Schutz (1982: 70) berikut;

"This problem parallels the problem of reaching the life-form of the present unfolding of experience (duration) since one can only speak of it by arresting its flow, distinguishing its moments, and thus remembering what has lapsed - but then one is in the new life-form of memory. Although this gap between present duration and memory prompted his turn to Husserlian phenomenology.

Penekanan Fenomenologi yang dipelopori oleh Schutz menganggap dunia sosial dibentuk oleh kesedaran terdahulu dan penganti-pengantinya kerana ia bersifat sementara. Ini bertepatan dalam kajian yang dilakukan oleh penyelidik dalam kajian mantera untuk menjelaskan hubungan struktur yang lahir daripada tindakan sosial sesuatu masyarakat itu.

Selain itu, petikan di atas mengaitkan bahawa segala perkara yang berlaku dalam kehidupan seharian mempunyai petunjuk yang akan kita ketahui apabila kita melihat dan menelitiinya dari sudut fenomena tingkah laku sosial manusia berdasarkan kepada subjek yang dikaji. Kerana ia merupakan langkah yang tepat bagi mengenal sosiobudaya dalam kelompok etnik yang dikaji. Ini kerana berdasarkan kepada kenyataan di atas makna akan dapat dilihat melalui pengalaman yang dilalui oleh sesuatu kelompok etnik. Oleh yang demikian, jika kita hendak mengetahui maklumat berkenaan sesuatu kelompok etnik, kita hendaklah mengetahui tinggalan tradisi lisan yang masih mereka amalkan pada masa kini. Ini terbukti dalam mantera Bajau Pitas yang mana segala maklumat, sejarah dan pengalaman orang-orang Bajau Pitas terstruktur dalam setiap perkataan mantera. Ini menunjukkan bahawa bahasa yang digunakan dalam mantera ini memberikan cara dan kaedah dan penelitian fenomena untuk mengkaji etnik Bajau Pitas itu sendiri.

Kenyataan yang sama diterangkan oleh kenyataan yang diulas oleh Mulyana (2008) berkenaan teori Fenomenologi Schutz. Menurut Mulyana (2008:62), "Ia merupakan pengetahuan asas yang bersifat pengalaman peribadi kepada individu. Perkara kedua, berkait dengan pengkategorian yang dibentuk dan diamalkan oleh suatu budaya yang terdiri daripada mitos, pengetahuan budaya dan logik." Oleh